



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TANAH
JABATAN PERTANIAN, WISMA TANI PUTRAJAYA
ARAS 9, NO. 30, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-88703000 Fax : 03 – 88884326 Laman Web : <http://www.doa.gov.my>

**SYARAT-SYARAT PEMBELIAN PETA/MAKLUMAT TANAH, GUNA TANAH DAN
LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKAITAN TANAH YANG DIKELUARKAN OLEH
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TANAH
JABATAN PERTANIAN, MALAYSIA**

Jenis Dokumen Geospasial Terperingkat :

.....
.....

**Akuan Pengguna Dan Syarat-Syarat Penggunaan
Dokumen Geospasial Terperingkat**

1. Saya berjanji akan menyimpan dokumen geospasial terperingkat di tempat berkunci dan tidak membenarkan orang-orang yang tiada kebenaran menggunakannya. Saya mengetahui bahawa dokumen geospasial tersebut adalah bahan terperingkat dan menjaganya mengikut peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan mengikut Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2007 Arahan Keselamatan Dokumen Geospasial Terperingkat.
2. Pihak saya atau mana-mana pihak tidak akan menyalin, mencetak atau menghasilkan salinan yang mengandungi atau berasaskan kepada dokumen geospasial tersebut tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian, Malaysia.
3. Dokumen geospasial yang dibekalkan adalah **untuk kegunaan sendiri** dan **tidak boleh diberi atau diedarkan kepada pihak ketiga sama ada di dalam negeri atau luar negeri** tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian, Malaysia.
4. Dokumen geospasial yang diminta untuk satu-satu tujuan **tidak boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain** tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian, Malaysia.
5. Saya berjanji tidak akan membuat sebarang pindaan atau manipulasi ke atas dokumen geospasial yang dibekalkan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian, Malaysia.

6. Setiap dokumen geospasial yang diperolehi daripada Jabatan Pertanian, perlu diberi penghargaan (acknowledgement) iaitu sebagai sumber maklumat dengan mencetak nama Jabatan Pertanian di atas peta/laporan seperti contoh berikut:

"SUMBER : JABATAN PERTANIAN, MALAYSIA 2019."

7. Sumber dokumen geospasial yang diperolehi daripada Jabatan Pertanian untuk sebarang penulisan akan dinyatakan di dalam senarai rujukan.
8. Saya bersetuju memberikan satu (1) naskah salinan laporan atau tesis yang telah siap kepada Jabatan Pertanian.
9. Saya bersetuju memberikan satu (1) salinan peta bagi sebarang tambah nilai yang telah dilakukan ke atas Dokumen Geospasial Terperingkat Jabatan Pertanian.
10. Encik/Puan/Cik.....
No. Kad Pengenalan adalah dibenarkan memungut dan mengesahkan penerimaan peta/maklumat daripada Jabatan Pertanian, Semenanjung Malaysia seperti yang disenaraikan di atas bagi pihak
.....
.....

Tandatangan Pemohon

Tarikh

Nama Pemohon :
No.Kad Pengenalan :
Jawatan :
Cop Agensi/Jabatan :

Perhatian

- i. *Permohonan hanya boleh dibuat oleh Ketua Setiausaha / Timbalan Ketua Setiausaha / Ketua Penolong Setiausaha / Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah / Penolong Ketua Pengarah / Ketua Jabatan Negeri / Timbalan Ketua Jabatan Negeri / Dekan Fakulti / Pustakawan Institusi Pengajian Tinggi / Pengarah / Pengurus*
- ii. *Jika syarat-syarat berkenaan tidak dipenuhi, segala permohonan tersebut tidak akan dipertimbangkan.*